



Headline: Macau Scam menyamar pegawai polis perdaya mangsa
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 3 February 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 24

Macau Scam menyamar pegawai polis perdaya mangsa

Alor Setar: Sindiket Macau Scam dikesan menyamar sebagai pegawai polis dengan nama Datuk Asisten Komisioner (ACP) Nafi dan ACP Mohamad, untuk menipu orang ramai.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Elias Omar, berkata nama Datuk ACP Nafi dikesan mula memperdaya mangsa pada bulan lalu, menyebabkan seorang wanita kerugian lebih RM120,000 akibat terpedaya dengan taktik Macau Scam itu.

Katanya, nama ACP Mohamad pula dilaporkan aktif sejak tahun lalu, manakala Sarjan Chong pula tahun sebelumnya dan mereka menggunakan taktik yang sama untuk memperdaya mangsa ko-

nonnya mangsa terbabit dengan penggubalan wang haram, dadah atau tunggakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Saya ingin berpesan supaya jangan layan sebarang panggilan dari individu yang memperkenalkan diri sebagai 'Datuk ACP Nafi dan ACP Mohamad yang menyamar sebagai pegawai polis berpangkat tinggi,'" katanya ketika ditemui di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, di sini semalam.

Elias berkata, sindiket itu sebelum ini menasarkankan golongan warga emas yang terdiri dari pesara kerajaan dan penjawat awam, namun kini mereka menasarkankan semua golongan tanpa mengira usia.

"Kebanyakan mangsa yang ditipu cepat panik apabila menerima panggilan kononnya mereka mempunyai tunggakan yang banyak, terbabit dengan dadah dan sebagainya menyebabkan mereka memindahkan wang seperti yang diarahkan suspek.

"Saya menasihatkan orang ramai supaya membuat semakan dengan agensi berkaitan terlebih dahulu ataupun pihak bank serta balai polis sebelum menyerahkan wang kepada sindiket berkenaan kerana mereka sangat licik," katanya.

Elias berkata, modus operandi terbaru sindiket itu adalah dengan memberi pautan kononnya dari laman web Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mangsa me-

ngemas kini butiran mereka.

"Kemudian suspek akan mengarahkan mangsa mengisi segala maklumat peribadi termasuk butiran kad juruwang mesin automatik (ATM)," katanya.

Elias berkata, sejak 1 Januari lalu, pihaknya mengadakan Op Mule Siri 1/2021 dan menahan 41 individu yang dipercayai pemilik akaun yang terbabit dengan penipuan Macau Scam ini dengan 30 orang daripadanya sudah dituduh di mahkamah.

"Kita mengingatkan orang ramai supaya menyemak terlebih dahulu kesahihan maklumat yang diterima melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>," katanya.

Elias turut meminta orang ra-

mai tidak membuat sebarang pinjaman menerusi internet yang dikesan menipu apabila meminta mangsa membuat bayaran pemprosesan dan sebagainya sebelum pinjaman diluluskan.

Katanya, ada mangsa yang mahu membuat pinjaman puluhan ribu tetapi terpaksa menanggung rugi ratusan ribu selepas ditipu sindiket berkenaan.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya merancang mengadakan pelbagai program untuk orang ramai dan menceritakan mengenai pinjaman tidak wujud dan Macau Scam di peringkat sekolah, universiti, kolej, masjid dan persatuan penduduk, dalam usaha untuk mengelakkan lebih ramai terpedaya.